

**TEKS UCAPAN
YB DATUK ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA
BAGI BULAN MAC 2014**

PADA

**27 MAC 2014
(KHAMIS)**

BERTEMPAT DI

**DEWAN TAN SRI MAHFUZ KHALID
KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YBhg. Datuk Himmat Singh

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abd Karim

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan agensi,

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya mengucapkan syukur kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita semua, warga Kementerian Kerja Raya serta Agensi di bawahnya berkumpul di bulan Mac 2014 ini. Sukacita sebelum saya mulakan ucapan, saya ingin sampaikan pohon maaf bagi pihak YB Menteri Kerja Raya kerana beliau tidak dapat bersama pada perhimpunan pagi ini kerana berada di Sarawak atas tugas lain. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) kerana telah berjaya menjadi urusetia Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya pada bulan Mac 2014. Oleh yang demikian, mesej yang akan saya sentuh pada perhimpunan kali ini adalah lebih khusus kepada industri pembinaan.

2. Akhir bulan Mac, menandakan lengkapnya suku pertama tahun ini, iaitu masa paling sesuai untuk menilai samada kita *on track* dalam mencapai kesemua KPI yang telah ditetapkan pada tahun ini. Apa yang perlu kita kejar, bukanlah jumlah projek atau program yang kita laksanakan, tetapi impak dan outcome setiap satu projek itu kepada rakyat dan industri keseluruhannya. Usaha ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan untuk melaksanakan pendekatan Outcome Based Budgeting

(OBB) bagi menggantikan konsep Modified Budgeting System (MBS). Pendekatan OBB ini antara lain direka bentuk bagi menghapuskan fungsi-fungsi dan program-program Kerajaan yang bertindih dan memberi lebih fokus kepada keberhasilan outcome berbanding output. Pendekatan ini juga akan dapat bantu memastikan supaya perbelanjaan awam dibuat berasaskan kepada prinsip *value for money* dan *fit for the purpose*, supaya dapat menguruskan sumber kewangan secara lebih efektif dan efisien. Sebagai permulaan, 5 buah Kementerian termasuk Kementerian Kerja Raya telah pun dikenalpasti sebagai perintis ataupun *Pilot Ministry* kepada pelaksanaan OBB untuk dilaksanakan semenjak tahun 2010. Oleh yang demikian, bagi menyahut seruan Kerajaan dalam memperkasakan tadbir urus sistem kewangan negara, seluruh warga Kerja Raya hendaklah lebih bersedia untuk beralih dari budaya output dan prestasi perbelanjaan kepada budaya mementingkan aspek outcome atau impak keberhasilan secara holistik.

Pencapaian Industri Pembinaan

3. Seterusnya, mari kita melihat analisa pencapaian sektor pembinaan pada tahun 2013 yang baru diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan

Insudtri Pembinaan (CIDB). Bagi tahun 2013, nilai projek pembinaan yang telah dilaporkan setakat ini mencecah RM92.3 billion, daripada 5,985 projek. Sebanyak 75.3 peratus daripada jumlah projek ataupun 78.4 peratus daripada nilai projek telah disumbangkan oleh sektor swasta. Tren ini dijangka berterusan berikutan peningkatan pelaburan swasta dan aspirasi kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak pembinaan infrastruktur dan kemudahan awam dilaksanakan oleh swasta. Dari segi klien projek pula, Petronas merupakan penyumbang projek sektor swasta yang tertinggi, manakala Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai perlaksana projek-projek kerajaan adalah penyumbang projek terbesar bagi sektor awam. Secara keseluruhannya, pertumbuhan sektor pembinaan pada tahun lepas adalah 10.9 peratus, lebih tinggi berbanding pertumbuhan ekonomi negara yang berada pada tahap 4.7%.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kita patut bersyukur bahawa negara kita sedang mengalami pertumbuhan ekonomi yang positif, sewaktu begitu banyak negara-negara lain di dunia mengalami kemerosotan ekonomi. Namun begitu, kita tidak boleh berpeluk tubuh -- “We cannot rest on our laurels”. Saya ingin

berkongsi kisah yang dikongsi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak baru-baru ini di dalam perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri. Beliau memetik kisah-kisah negara yang berjaya dan gagal di dalam sejarah dunia, daripada buku "Why Nations Fail: Origins of Power, Prosperity and Poverty." Antara kisah yang diceritakan adalah satu bandar bernama Nogales yang terbahagi dua kerana ia terletak di tengah-tengah sempadan dua negara iaitu Arizona di Amerika Syarikat dan juga negara Mexico. Bandar ini diduduki oleh kumpulan etnik yang sama di kedua-dua sempadan negara dan tidak mengalami sebarang perbezaan dari segi iklim, bentuk muka bumi dan sebagainya. Akan tetapi, satu kelompok jauh lebih maju manakala yang satu lagi jauh ketinggalan dari segi pembangunan. Kesimpulan yang dibuat di dalam buku ini adalah dasar yang diamalkan dan institusi yang dibangunkan perlu bersifat inklusif dan mampan. Jika tiada dua elemen penting ini maka berlakulah kemerosotan dalam ekonomi dan negara tidak akan membangun dengan pesat.

Maklumbalas Industri

5. Oleh itu, bagi memastikan kita membuat dasar yang benar-benar inklusif dan peka terhadap kehendak dan keperluan industri serta rakyat, Kementerian Kerja Raya mengamalkan dasar terbuka dengan sentiasa mendengar pandangan dan maklumbalas industri. Baru-baru ini Kementerian Kerja Raya telah mengadakan beberapa sesi dialog dengan para penggiat industri. Yang pertama, kita telah mengadakan sesi dialog berkenaan Tol lebuhraya, yang kedua, Dialog Industri Pembinaan di mana CIDB telah membentangkan hasil kajian Jawatankuasa Pakar Bagi Mengkaji Semula Amalan Industri Pembinaan bagi mendapatkan maklumbalas industri, sebelum kertas cadangan di bentangkan ke Kabinet. Yang terbaru, CIDB juga telah mengadakan Dialog Industri IBS bagi mengumpul maklumbalas industri dan agensi pelaksana yang menggunakan sistem tersebut, sebelum isi kandungan Kertas Cadangan Polisi IBS itu dimuktamadkan dan diserahkan kepada Kabinet.

6. Saya yakin dan percaya bahawa penganjuran sesi dialog ini adalah sangat penting kerana setiap keputusan yang kita buat di peringkat polisi,

besar kesan dan impaknya kepada industri. Segala cadangan, maklumbalas dan isu-isu yang dibangkitkan di dalam sesi dialog ini perlulah dipandang serius dan disusuli dengan tindakan dan jawapan yang sewajarnya. Oleh itu, saya menyeru supaya Bahagian Dasar Pembinaan KKR dan CIDB merancang tindakan susulan secara teratur untuk menggubal pelan tindakan hasil daripada input dialog dengan pihak industri dan memantau pelaksanaan dengan rapi.

Fenomena Cuaca Kemarau dan berjerebu & Konsep Inisiatif Hijau

7. Baru-baru ini seluruh negara telah mengalami fenomena cuaca yang serius. Keadaan kemarau berterusan sehingga menyebabkan paras air di beberapa empangan utama berada pada tahap kritikal sehingga bekalan air di kawasan Lembah Kelang dan Selangor terpaksa di catu. Di samping itu, negara kita juga mengalami keadaan berjerebu pada beberapa minggu lepas sehingga beberapa kawasan mengalami indeks pencemaran udara berada pada tahap bahaya. Walau bagaimanapun, kita bersyukur kerana sejak beberapa hari kebelakangan ini kita telah dikurniakan hujan yang lebat yang mengakhiri musim kemarau dan sekaligus menghilangkan masalah jerebu yang kita alami. Pengajaran yang kita dapat daripada

keadaan perubahan cuaca yang mendadak ini adalah betapa pentingnya projek-projek pembangunan dilaksanakan secara mampan bagi mengurangkan impak kepada alam sekitar. Kementerian Kerja Raya, melalui agensi-agensi di bawahnya telah memulakan beberapa inisiatif hijau ke arah melestarikan pembangunan negara. Ini termasuk mewujudkan parameter-parameter khusus bagi mengukur ‘Green Level’ di sektor infrastruktur negara. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah membangunkan Green Highway Index, manakala CIDB dan JKR pula sedang membangunkan satu peralatan penarafan hijau bagi bangunan kerajaan.

Media Sosial

8. Bercakap tentang “Reinventing the Wheels”, kita semua mungkin sudah pun biasa menggunakan Media sosial dalam kehidupan kita seharian. Ia memudahkan dan mempercepatkan penyebaran dan perkongsian maklumat secara meluas. Kerajaan sedar bahawa media sosial ini juga merupakan platform yang sangat berkesan bagi menyalurkan maklumat sesebuah organisasi khususnya berkaitan polisi, perkhidmatan dan inisiatif-inisiatif yang kita laksanakan.

9. KKR sendiri telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan akaun laman sosial sendiri. Penyaluran maklumat menerusi media sosial bukan lagi fenomena baru bahkan menjadi tunjang kepada komunikasi berkesan antara Kerajaan dan rakyat. Media sosial mampu merapatkan jurang komunikasi antara organisasi dan pelanggan. KKR melihat media sosial amat penting dalam dunia hari ini, yang mana KKR sebagai peneraju infrastruktur utama Negara perlu memastikan maklumat-maklumat berhubung produk ataupun perkhidmatan KKR sentiasa dikemaskini dan maklumat yang sahih serta tepat sahaja perlu sampai kepada pelanggan.
10. Besarlah harapan saya, pasukan media sosial ini dapat membantu KKR dan Agensi untuk menyalurkan informasi yang terkini, tepat dan seterusnya rakyat akan dapat menilai secara positif terhadap usaha Kerajaan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Mobile Apps

11. Selain daripada media sosial, aplikasi peranti mudah alih atau *Mobile Apps* juga merupakan teknologi perisian terkini yang membolehkan

sesuatu aplikasi di muat turun ke telefon pintar supaya pengguna dapat mengakses sesuatu perkhidmatan dengan lebih cepat. Oleh yang demikian, Bahagian Pengurusan Maklumat KKR dan CIDB telah pun menyahut cabaran dan mula mengambil langkah membangunkan Mobile Apps dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Bahagian Pengurusan Maklumat KKR kini sedang giat membangunkan Mobile Apps – Sisitem Aduan Jalan KKR yang bertujuan untuk memudahkan rakyat khususnya pengguna jalan raya dalam membuat aduan berhubung kerosakan jalan raya, lampu trafik, papan tanda jalan dan sebagainya. Mobile Apps ini sedang dalam peringkat akhir penyiapan dan dijangka akan dilancarkan tidak lama lagi. Manakala, bagi memudahkan proses penyemakan status pendaftaran kontraktor dan juga untuk industri serta orang awam mendapat pelbagai info berkaitan industri pembinaan, CIDB pula telahpun membangunkan Mobile Apps CIDB. Mobile Apps CIDB ini akan dilancarkan pada perhimpunan pagi ini. Seterusnya, mengambil kesempatan ini, selaras dengan usaha untuk mempertingkatkan *engagement* Kerajaan kepada rakyat, saya menyeru kepada Agensi dan Jabatan di bawah Kementerian Kerja Raya supaya menyusul dengan pelbagai lagi inisiatif yang difikirkankan sesuai dan boleh

memeberikan manfaat kepada rakyat melalui penggunaan teknologi moden ini.

Keputusan SPM/STPM

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya menyentuh tentang dua perkara yang dekat dihati kita dewasa ini. Pertama sekali ialah keputusan SPM dan STPM yang baru diumumkan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua anak-anak warga KKR yang menerima keputusan cemerlang di dalam peperiksaan tersebut. Mungkin ibu bapa yang ada dalam perhimpunan pada pagi ini bolehlah memperkenalkan program-program kemahiran yang dibangunkan oleh Akademi Binaan Malaysia (ABM) kepada anak masing-masing. Umum sedia maklum, terdapat ramai belia-belia lepasan sekolah yang menghadiri kursus latihan kemahiran pembinaan di ABM dan berjaya di dalam pelbagai bidang seperti pemasangan perancah, kimpalan dan pendawaian elektrik. Biarpun bidang-bidang ini tidak selalu disebut dan dianggap “tidak glamor”, ia sebenarnya mempunyai permintaan tinggi di dalam industri pembinaan, terutama di dalam bidang minyak dan gas. Percaya atau tidak, ramai di antara belia yang tamat kursus kemahiran selama beberapa bulan

di ABM ada kalanya berjaya meraih pendapatan yang lebih lumayan daripada seorang graduan universiti. Oleh itu saya menggesa semua warga KKR untuk berkongsi maklumat ini dengan keluarga dan saudara-mara supaya mereka boleh mengikuti latihan kemahiran di enam cawangan ABM seluruh negara.

Penerbangan MH370

13. Mengambil kesempatan ini, saya merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga penumpang dan krew pesawat MH370 yang telah mengakhiri penerbangan di selatan Lautan Hindi seperti mana maksud kenyataan YAB Perdana Menteri kita pada Isnin malam lepas. Saya difahamkan co-pilot atau pegawai penerbangan MH370, Fariq bin Abdul Hamid merupakan anak kepada salah seorang warga Kerja Raya. Semoga seluruh ahli keluarga penumpang dan krew pesawat MH370 khususnya kepada keluarga Ir. Hj. Abdul Hamid Md Daud, Timbalan Pengarah JKR Selangor terus diberikan kekuatan dan kekal tabah dalam mengharungi situasi ini. Kami seluruh warga Kementerian Kerja Raya turut berasa sedih dan bersimpati terhadap musibah yang menimpa pesawat MH370 ini.

Persaraan YBhg. Dato' Seri KPKR

14. Seperti hadirin sedia maklum, YBhg. Dato' Seri Ir. Mohd Noor bin Yaacob, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya akan bersara pada 28 Mac 2014. Bagi pihak Kementerian Kerja Raya, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Seri atas segala jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang berada dalam Perkhidmatan Awam. Angka 36 tahun 10 bulan, bukanlah satu tempoh yang singkat. Sepanjang tempoh ini, tentu banyak sumbangan dan jasa bakti yang telah dicurahkan. YBhg. Dato' Seri KPKR telah mula berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam di Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan pada Mei 1977. Seterusnya, beliau telah berkhidmat di pelbagai cawangan/bahagian di peringkat JKR Negeri dan JKR Malaysia sehingga Mei 2005 sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia. Seterusnya, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan) pada Mei 2007 sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Kerja Raya pada Mei 2011. Saya pasti YBhg. Dato' Seri telah berjaya memainkan peranan yang signifikan terhadap setiap pencapaian yang telah dikecapi oleh JKR sepanjang tempoh beliau menerajui Jabatan Kerja Raya. Pastinya perhimpunan pada pagi ini akan menjadi perhimpunan terakhir yang akan dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri dalam tempoh

perkhidmatan beliau bersama perkhidmatan awam. Bagi pihak Kementerian Kerja Raya, sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Seri atas segala jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh berada dalam Perkhidmatan Awam. Semoga kenangan berkhidmat dalam perkhidmatan awam akan sentiasa menjadi kenangan yang terindah.

Sekian, saya akhiri ucapan saya dengan Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabaraktu.

Sekian, terima kasih.